




KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (MPIC)
KENYATAAN TENDER PERKHIDMATAN PERUNDING

Pelawaan ini terbuka kepada Firma Perunding tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) di bawah Kod Bidang seperti yang dinyatakan di bawah untuk mengambil bahagian dalam pelawaan seperti berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIRAN PENDAFTARAN PERUNDING	TARIKH/ MASA/ TEMPAT TAKLIMAT DAN PENJUALAN DOKUMEN
1.	<p>No. Tender: MPIC/T/1/2022</p> <p>Tajuk Tender: PERKHIDMATAN PERUNDING KAJIAN BUKAN FIZIKAL BAGI PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN BIOJISIM NEGARA</p>	<p>Firma Perunding mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang seperti berikut:</p> <p style="text-align: center;">340103 - PERKHIDMATAN KAJIAN BUKAN FIZIKAL SOSIO EKONOMI/ KAJIAN EKONOMI</p> <p>Perunding dikehendaki untuk membawa bersama Sijil Pendaftaran MOF yang asal ke sesi taklimat dan semasa pembelian Dokumen Tawaran Tender</p>	<p>Perunding DIWAJIBKAN untuk membuat pendaftaran dalam talian di pautan seperti di bawah:</p> <p style="text-align: center;">https://forms.gle/naEysk9CsQEaYSvw8</p> <p style="text-align: center;">Atau</p> <p style="text-align: center;">Mengimbas Kod QR di bawah</p> <div style="text-align: center;"></div> <p style="text-align: center;">Tarikh Pendaftaran dibuka: 29 Julai 2022, jam 8.30 pagi hingga 08 Ogos 2022, jam 12.00 tengah hari</p> <p style="text-align: center;">Emel keputusan pendaftaran akan dihantar kepada perunding pada 08 Ogos 2022.</p>	<p><u>Sesi Taklimat</u></p> <p>Tarikh : 09 Ogos 2021 (Selasa) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Komoditi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) Aras 7, No. 15, Presint 2, Persiaran Perdana, 62654 Putrajaya</p> <p><u>Penjualan Dokumen Tawaran Tender</u></p> <p>Tarikh : 09 Ogos 2022 - 26 Ogos 2022 Hari : Isnin - Jumaat (Tidak termasuk Cuti Umum) Masa : 9.00 pagi hingga 2.30 petang Tempat : Unit Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan MPIC Aras 6, No. 15, Presint 2, Persiaran Perdana, 62654 Putrajaya</p> <p><u>Tarikh Akhir Penghantaran Dokumen Cadangan</u></p> <p>Tarikh : 30 Ogos 2022 (Selasa) Masa : 12.00 tengah hari Tempat : Peti Tender Unit Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan MPIC Aras 6, No. 15, Presint 2, Persiaran Perdana, 62654 Putrajaya</p>

Arahan dan syarat kepada Perunding:

1. Perunding **DIWAJIBKAN** untuk mendaftarkan kehadiran secara dalam talian bagi proses semakan kelayakan untuk menyertai tender ini. Satu (1) firma hanya dibenarkan untuk membuat **satu (1) pendaftaran sahaja**. Pendaftaran hanya akan dibuka pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Pendaftaran lewat tidak akan dipertimbangkan untuk menyertai taklimat dan tender.
2. Firma perunding yang memenuhi syarat kelayakan tender seperti di atas sahaja akan dipelawa melalui emel ke alamat emel yang didaftarkan dalam Borang Pendaftaran secara dalam talian untuk hadir ke sesi taklimat. Hanya penama yang tercatat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding dari MOF sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat. Sila cetak emel keputusan pendaftaran dalam talian sebagai bukti untuk dikemukakan kepada Pegawai yang bertugas bagi tujuan pendaftaran sesi taklimat.
3. Hanya Perunding yang menghadiri sesi taklimat sahaja **DIBENARKAN** untuk membeli Dokumen Tawaran Tender. Bagi pembelian dokumen tersebut, hanya penama yang tercatat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding dari MOF sahaja yang dibenarkan untuk membeli Dokumen Tawaran Tender. Sila bawa bersama Salinan asal Sijil Akuan Pendaftaran Perunding MOF seperti di syarat penyertaan tender dan Borang Kehadiran sesi taklimat yang lengkap ditandatangani.
4. Dokumen Tawaran Tender boleh dibeli pada hari dan masa yang ditetapkan dengan bayaran sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskhah dan bayaran tersebut tidak akan dikembalikan. Pembayaran adalah secara wang tunai/ cek atas nama **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**. Pastikan anda menerima resit selepas pembayaran dibuat.
5. Dokumen Tawaran Tender tidak akan dikeluarkan selepas tempoh penjualan yang ditetapkan.
6. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri serta ditandakan "**CADANGAN TEKNIKAL**" dan "**CADANGAN KOS**" berserta nombor siri dan tajuk tender di sebelah atas kiri setiap sampul berkenaan. Kedua-kedua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul induk dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut:

Peti Tender

Unit Kewangan dan Perolehan,

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)

Aras 6, No. 15, Presint 2

Persiaran Perdana, 62654 Putrajaya

7. Dokumen yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan MPIC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos dan kurier.
8. MPIC juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berkenaan penyediaan dokumen tender, serta tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran dan tidak terikat untuk memberikan apa-apa maklum balas ke atas tawaran yang ditolak. Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.

Tarikh iklan - 28 Julai 2022